

D.R. 19/95

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pelabuhan
Bintulu 1981.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG
oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan
nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat
yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa
daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Lembaga Pelabuhan
Bintulu (Pindaan) 1995. Tajuk
ringkas.

2. Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981, yang disebut
"Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dalam
seksyen 1— Pindaan
seksyen 1.
Akta 243

(a) dengan menomborkan semula seksyen itu sebagai
subseksyen (1); dan

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) yang
dinomborkan semula itu subseksyen yang berikut:

"(2) Walau apa pun subseksyen (1),
seksyen 92 hendaklah disifatkan telah mula
berkuatkuasa pada 16 Ogos 1981.

(3) Apa-apa tindakan atau perkara yang
dilakukan atau apa-apa wang yang dipungut,

dibelanjakan atau dilaburkan oleh Lembaga sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini yang akan menjadi sah jika peruntukan-peruntukan Akta ini telah berkuatkuasa pada masa ia dilakukan adalah dengan ini disahkan dan diisytiharkan telah dilakukan atau dipungut, dibelanjakan atau dilaburkan olehnya secara sah."

Pindaan
seksyen 27A.

3. Seksyen 27A Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1) dan (3) dengan menggantikan perkataan "1989" dengan perkataan "1990"; dan
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

"(2A) Jika jawapan diterima daripada Lembaga mengenai memorandum yang dikemukakan di bawah subseksyen (1) menunjukkan keputusan Lembaga untuk tidak membenarkan perubahan kepada struktur caj yang sedia ada yang terdapat di dalam memorandum, manamana orang atau kumpulan orang yang terkilan dengan keputusan Lembaga boleh, dalam tempoh empat belas hari dari tarikh keputusan itu dibuat, merayu kepada Menteri dan keputusan Menteri itu adalah muktamad."

Bahagian
baru VIIA.

4. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas Bahagian VII Bahagian yang berikut:

"

BAHAGIAN VIIA

**PERLUASAN FUNGSI-FUNGSI, DLL.,
LEMBAGA PELABUHAN KEPADA
PELABUHAN-PELABUHAN LAIN**

Kuasa
Menteri
memperluas-
kan fungsi
Lembaga
kepada
pelabuhan
lain.

66A. (1) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, memperluaskan fungsi-fungsi, kuasa-kuasa, tugas-tugas dan bidang kuasa Lembaga kepada pelabuhan-pelabuhan lain.

(2) Suatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh memperuntukkan bahawa Lembaga hendaklah, dalam menjalankan pentadbiran pelabuhan yang kepadanya kawalan Lembaga diperluaskan, memasukkan antara ahlinya mana-mana orang lain sebagaimana yang ditentukan dalam perintah itu sama ada melalui nama atau jawatan.

(3) Jika suatu perintah dibuat di bawah subseksyen (1), Lembaga hendaklah bagi segala maksud disifatkan sebagai lembaga pelabuhan berkenaan dengan pelabuhan yang disebutkan dalam perintah itu seolah-olah ia adalah suatu lembaga pelabuhan yang ditubuhkan berkenaan dengan pelabuhan itu di bawah Akta ini dan hendaklah dalam menjalankan fungsi-fungsinya digelar dengan nama yang diperuntukkan dalam perintah itu.

Lembaga dalam menjalankan fungsinya yang diperluaskan hendaklah disifatkan sebagai lembaga pelabuhan yang bebas.

66B. Lembaga dalam menjalankan fungsi-fungsinya berkenaan dengan pelabuhan yang kepadanya fungsi-fungsi itu diperluaskan hendaklah menjalankannya seolah-olah ia suatu lembaga pelabuhan yang bebas yang ditubuhkan berkenaan dengan pelabuhan itu.

Kuasa Menteri membuat peruntukan bagi Lembaga menjalankan fungsinya.

66c. Perintah Menteri di bawah seksyen 66A boleh mengandungi segala peruntukan yang dianggap oleh Menteri sebagai perlu untuk membolehkan Lembaga menjalankan fungsi-fungsinya berhubungan dengan pelabuhan yang kepadanya fungsi-fungsi itu diperluaskan.

Tafsiran.

66D. Bagi maksud-maksud Bahagian ini, "pelabuhan" ertinya pelabuhan Persekutuan atau tempat yang diisytiharkan sebagai pelabuhan Persekutuan oleh undang-undang Persekutuan."

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981 ("Akta").

2. *Fasal 2* bertujuan meminda seksyen 1 Akta dengan memasukkan peruntukan menyifatkan untuk membenarkan seksyen 92 Akta mula berkuatkuasa dari 16 Ogos 1981, iaitu satu hari selepas tarikh semua seksyen lain Akta, kecuali seksyen 92, mula berkuatkuasa. Subseksyen baru (3) bertujuan mengesahkan apa-apa tindakan atau perkara yang dilakukan oleh Lembaga Pelabuhan Bintulu sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini.

3. *Fasal 3* bertujuan meminda subseksyen 27A(1) dan (3) Akta dengan menggantikan perkataan "1989" dengan perkataan "1990" untuk mengadakan peruntukan bagi nama sebenar Akta Pelabuhan-Pelabuhan (Penswastaan). *Fasal 3* juga bertujuan memasukkan subseksyen (2A) kepada seksyen 27A untuk membenarkan mana-mana orang atau kumpulan orang yang terkilan dengan keputusan Lembaga untuk tidak membenarkan perubahan kepada struktur caj yang sedia ada merayu kepada Menteri terhadap keputusan tersebut.

4. *Fasal 4* bertujuan memasukkan Bahagian baru VIIA untuk memberi Menteri kuasa memperluaskan fungsi, kuasa, tugas dan bidang kuasa Lembaga kepada pelabuhan-pelabuhan lain.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1875.]